

Headline	Demi Adraa, Rosyam tolak tawaran ke Hollywood		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Sep 2018	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	112,050
Page No	19	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	589 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,748
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,244



ROSYAM bergambar bersama stokis-stokis pada majlis pelancaran Adraa

Demi Adraa, Rosyam tolak tawaran ke Hollywood

SELEPAS kejayaan produksi filem dan drama serta pasar raya, figura hebat ini melebarkan lagi sayapnya dalam dunia perniagaan dengan mengeluarkan produk kesihatan berasaskan durian Belanda iaitu Adraa.

Meskipun sedar terlalu ramai selebriti yang terlebih dahulu menjalankan perniagaan sedemikian, pelakon dan pengacara terkenal, **Datuk Rosyam Nor**, 51, optimis dengan apa yang dilakukannya.

Bagi pemilik syarikat Suhan Movies & Trading, Suhan Biotech dan ST Rosyam ini, keyakinan terhadap perniagaan produk kesihatan ini datang daripada perusahaan tanaman buah durian Belanda yang ditanamnya sendiri.

Selain menjanjikan kualiti bahan asas yang terbaik dalam menghasilkan produk, mempunyai ladang sendiri merupakan satu kelainan buat Rosyam berbanding perniagaan produk yang dijalankan oleh selebriti lain.

“Saya tahu ramai artis atau selebriti sekarang yang aktif menjalankan perniagaan pelbagai jenis produk dan salah satunya ialah produk makanan

kesihatan.

“Tetapi apa yang membezakan, saya bermula dengan pertanian yang mana saya membekalkan hasil tanaman tersebut untuk produk keluaran saya. Ia secara tidak langsung memberi kelebihan kepada saya terutama dari segi kualiti dan kuantiti bahan asas.

“Selain itu, sebelum mengeluarkan produk tersebut, saya juga terlibat dalam membuat kajian bersama Taman Teknologi Malaysia (TPM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berkaitan keupayaan produk Adraa ini,” jelasnya.

Jenama Adraa yang diambil sempena nama cucu sulungnya, Hanan Adraa Mohd Hafiz yang kini berusia empat tahun ini terdiri daripada tiga jenis produk iaitu pati buah dan ekstrak daun durian Belanda, teh herba daun durian Belanda serta minuman jus durian Belanda.

Bagi merealisasikan perniagaan produk Adraa, pemilik nama sebenar **Mohamed Noor Shamsuddin** ini akui ia bukan sahaja memakan masa yang lama, malah turut memerlukan sedikit pengorbanan dalam soal kerjaya seninya.

Menurut pengacara program *Da'i* ini, demi memberikan sepenuh perhatian kepada urusan berkaitan Adraa, dia terpaksa menolak tawaran untuk berlakon dalam drama bersiri dari Hollywood.

Bagaimanapun, Rosyam enggan bercerita lebih lanjut mengenai tawaran yang diterima itu dan sekadar berkongsi mengenai penolakannya sahaja.

“Baru-baru ini, saya ada menerima tawaran untuk terlibat dalam drama siri dari Hollywood. Namun begitu, saya terpaksa menolak tawaran tersebut kerana ingin memberi sepenuh tumpuan kepada urusan penghasilan Adraa.

“Sudah bertahun-tahun saya berusaha untuk merealisasikan Adraa, jadi saya tidak mahu menanggungkan ia lebih lama dengan menerima tawaran berkenaan.

“Selain itu, saya juga telah dipanggil untuk berjumpa seorang pengarah dari India bagi membincangkan projek filem Tamil. Tetapi buat masa sekarang saya belum ada kesempatan lagi untuk berjumpa dengannya,” ujar pelakon yang bakal muncul dalam filem *Motif*, *Proksi* dan *Misteri Delaila* ini.